



PEJABAT
PENGARAH PENDIDIKAN PAHANG
JABATAN PENDIDIKAN PAHANG
BANDAR INDERA MAHKOTA
25604 KUANTAN

Tel : 09-5715700
Fax : 09-5734857
Emel : ipn.pahang@moe.gov.my
Portal : <http://www.moe.gov.my/jnpahang>



CERTIFIED TO ISO 9001:2005
CERT NO. AR 4166

Ruj. Kami : JPNP.SPSPK.02 700-1/7 Jld 8 (61)
Tarikh : 13 Mac 2017
14 Jamadilakhir 1438H

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Negeri Pahang
(u.p.: Penyelia Pendidikan Khas)

Tuan,

PEMBUKAAN SISTEM APLIKASI PENGURUSAN BANTUAN (APB) UNTUK PERMOHONAN ELAUN MURID BERKEPERLUAN KHAS (EMK) TAHUN 2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat KPM.800-4/1/1 Jld.4 (92) bertarikh 23 Februari 2017 yang dilampirkan adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Aplikasi Pengurusan Bantuan (APB) untuk permohonan Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK) akan dibuka mulai **1 hingga 30 April 2017** melalui pautan <http://apb1.moe.gov.my> bagi murid yang layak tetapi tidak tersenarai di dalam senarai penerima EMK 2017. (Senarai penerima EMK 2017 adalah berdasarkan permohonan yang telah dilaksanakan pada 21 November hingga 21 Disember 2016).

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta untuk memanjangkan surat berkenaan ke **semua sekolah** dalam daerah tuan bagi mengelakkan keciciran permohonan. Untuk makluman tuan, permohonan ini adalah tertakluk kepada kriteria murid seperti berikut:

- 3.1 Pemegang kad OKU di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
- 3.2 Pemegang kad OKU di kelas perdana
- 3.3 Pemegang kad OKU di prasekolah

4. Kecuaian daripada pihak sekolah sehingga menyebabkan keciciran permohonan EMK Tahun 2017 tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran dan tindakan akan diambil ke atas pegawai yang cuai dan tidak bertanggungjawab mengikut peraturan sedia ada.

5. Sebarang pertanyaan yang berkaitan, pihak tuan boleh menghubungi pegawai berurusan Puan Letchumy a/p Sinnan di talian **09-5715714** atau **012-2305803**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATU' HJ ROSDI BIN ISMAIL
Pengaroh Pendidikan Pahang